



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
Secretary General
Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs
Aras 11 (Menara), No. 13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603 8882 5555/5553
Faks: 603 8882 5566
Laman Web: www.kpdnhep.gov.my
E-mel: ksu@kpdnhep.gov.my

Fail Kami : KPDKKK.600-4/1/10 Jld 2 (12)

Tarikh : **6** Disember 2021

Encik Syed Feizal Bin Syed Mohammad

Ketua Pegawai Eksekutif

MSM Malaysia Holdings Berhad

Level 44, Menara Felda Platinum Park,

No.11, Persiaran KLCC,

50088 Kuala Lumpur

Tuan,

**ARAHAN PENGAWAL BEKALAN DI BAWAH PERATURAN 12A
PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN 1974
[P.U. (A) 103/ 1974] BERHUBUNGAN DENGAN PELAKSANAAN
STOK PENIMBAL (STOCKPILE) BAGI GULA PUTIH BERTAPIS**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 [P.U. (A) 103/1974], tuan diarahkan untuk melaksanakan had inventori stok penimbal sebanyak **32,000 metrik tan** bagi gula putih bertapis **pada setiap masa**. Stok penimbal ini hanya digunakan apabila berlaku kekurangan bekalan di sesuatu kawasan. Tuan juga perlu memastikan bahawa gula putih bertapis untuk pasaran domestik **sentiasa mencukupi**.

3. Tuan juga dikehendaki untuk mengemukakan laporan had inventori stok penimbal dan laporan bulanan pengeluaran gula kepada Kementerian ini melalui emel : bekalan_bpgk@kpdnhep.gov.my sebelum 7hb pada setiap bulan.



4. Kegagalan pihak tuan untuk mematuhi arahan ini boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] atau perundangan subsidiarinya.

5. **Arahan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.**

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK SERI HJ HASNOL ZAM ZAM BIN HJ AHMAD)
Pengawal Bekalan